



BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Aras 4 & 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel. : 03-8883 3030 / 2595
Faks : 03-8888 8784 (Aras 7)
03-8888 8782 (Aras 4)

Rujukan : (50) dlm. KKM-57/T1/371 JLD 2

Tarikh : 20 Jun 2016

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

**DOKUMEN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENGHANTARAN BARANGAN
IMPORT KERAJAAN OLEH MTO BAGI SEBUT HARGA BIL. 9/2016**

Dengan hormatnya saya adalah diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Syarikat Tuan/Puan selaku Wakil Penghantaran Kerajaan (***Multimodal Transport Operator, MTO***) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (Kod bidang **221709**), dengan ini adalah dipelawa untuk menyertai **Sebut Harga Bil. 9/2016**.
3. Bersama-sama ini disertakan melalui e-mel alamat pautan di Portal Rasmi Kementerian Kesihatan mengandungi Dokumen Pelawaan Sebut Harga berkenaan yang boleh dimuat turun oleh pihak Tuan/Puan.
4. Tarikh tutup sebut harga berkenaan ialah pada **27/06/2016 jam 12.00 tengah hari**. Pihak Tuan/Puan adalah diminta untuk mengemukakan tawaran yang lengkap dengan menunjukkan semua butiran di bawah caj-caj lain serta menyatakan kadar butiran-butiran tersebut di dalam borang yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(SITI AFEEFAH BINTI MOHAMMAD ZAKI)

Bahagian Perolehan dan Penswastaan
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



MS ISO 9001 : 2008
No. Sijil AR 5156

LAMPIRAN A2 (Pin. 1/98)

NO. SEBUT HARGA:

9/2016

KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

PERKHIDMATAN PEMBUNGKUSAN DAN PENGANGKUTAN PLASMA DARI HOSPITAL MELAKA DAN HOSPITAL PULAU PINANG KE PUSAT DARAH NEGARA, DAN SETERUSNYA KE LAPANGAN TERBANG MELBOURNE TULLAMARINE, AUSTRALIA SERTA PENGHANTARAN PRODUK FRAKSINASI PLASMA DARI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR KE PUSAT DARAH NEGARA BAGI KONTRAK PEROLEHAN PERKHIDMATAN FRAKSINASI PLASMA DENGAN CSL BEHRING, AUSTRALIA

Kepada: Syarikat MTO yang berdaftar dalam kod bidang **221709 : Pengangkutan Multimodal Transport Operator (MTO).**

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh:

Bahagian Perolehan dan Penswastaan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4 & 7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

No.Telefon : 03- 8883 3074 / 2966 / 2438

No. Faks : 03-8888 8784

Tarikh : **20/06/2016**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan perkhidmatan penghantaran yang disertakan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-

1.1. Syarat penyerahan : **Serahan dalam waktu pejabat sahaja.**

1.2. Tarikh penyerahan / tempoh penyerahan perkhidmatan:

MENGIKUT KEPERLUAN PUSAT DARAH NEGARA

Tempatan dan CIP KLIA

1.3. Arahan pengirim:.....

- Sila nyatakan No. Rujukan Sebut Harga MTO berkenaan

1.4. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri
dan bertanda: No. Sebut Harga: **9/2016**

1.5. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti surat tawaran
yang berkaitan di alamat di atas tidak lewat pada **jam 12.00**
tengahari: **27/06/2016**

1.6. Tempoh sahlaku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

.....
Tandatangan

SITI AFEEFAH BINTI MOHAMMAD ZAKI

.....
Nama Pegawai

KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (D) 2

.....
Jawatan

.....
Tarikh

20/6/2016

PERIHAL PERKHIDMATAN BARANGAN DAN SYARAT-SYARAT KHAS

A. UNTUK DIISIKAN OLEH AGENSI

1. Nama barang dan deskripsinya: KKM-18/2015(RT)/MTO/PDN-CSL

PERKHIDMATAN PEMBUNGKUSAN DAN PENGANGKUTAN PLASMA

- 1) DARI HOSPITAL MELAKA KE PUSAT DARAH NEGARA
- 2) DARI HOSPITAL PULAU PINANG KE PUSAT DARAH NEGARA
- 3) DARI PUSAT DARAH NEGARA KE LAPANGAN TERBANG MELBOURNE TULLAMARINE, AUSTRALIA

DAN PENGHANTARAN PRODUK FRAKSINASI PLASMA

- 4) DARI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR KE PUSAT DARAH NEGARA

2. Kuantiti Barangan:

- 2.1 Penghantaran Darat plasma dari Hospital Melaka ke Pusat Darah Negara (PDN), Kuala Lumpur bagi tiga (3) tahun mulai Ogos 2016 – *Ogos 2019:

67 consignments @ 500 kg per consignment

- 2.2 Penghantaran Darat plasma dari Hospital Pulau Pinang ke Pusat Darah Negara (PDN), Kuala Lumpur bagi tiga (3) tahun mulai Ogos 2016 – *Ogos 2019:

7 consignments @ 500 kg per consignment

- 2.3 Penghantaran Darat dan Udara plasma dari Pusat Darah Negara (PDN), Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Melbourne Tullamarine, Australia bagi tiga (3) tahun mulai Ogos 2016 – *Ogos 2019:

220 consignments @ 1,200 kg per consignment

- 2.4 Penghantaran Darat produk fraksinasi plasma dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Pusat Darah Negara (PDN), Kuala Lumpur bagi tiga (3) tahun mulai Ogos 2016 – *Ogos 2019:

22 consignments @ 4,000 kg per consignment

**tertakluk sehingga selesai penghantaran konsainan terakhir*

3. Butiran mengenai barangan dan maklumat berhubung barangan yang akan dieksport dan diimport (seperti spesifikasi di LAMPIRAN A yang disertakan).
4. Kaedah perolehan (FOB/FCA/EXW): Tempatan dan CIP KLIA
5. Kaedah pengangkutan utama (Laut/Udara/Darat): Mengikut spesifikasi di LAMPIRAN A
6. Pengkalan / Tempat Memuat: Mengikut spesifikasi di LAMPIRAN A
7. Pengkalan Pungkah: Mengikut spesifikasi di LAMPIRAN A
8. Destinasi Terakhir: Mengikut spesifikasi di LAMPIRAN A
9. Tarikh atau tempoh barangan perlu berada di destinasi terakhir: **MENGIKUT KEPERLUAN PUSAT DARAH NEGARA**
10. Arahan Khas: Mengikut spesifikasi di LAMPIRAN A